



**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI PAHANG**

Tingkat 1&5, Wisma Persekutuan
25594 KUANTAN, PAHANG DARUL MAKMUR
MALAYSIA

Tel : 609-591 5000

Faks : 609-516 4931

Laman Web : <http://www.anm.gov.my/index.php/utama-pahang>

Ruj. Tuan :

Ruj. Kami : ANM.PHG.600-15/3/7(28)

Tarikh : 20 Julai 2022

Semua Ketua Pusat Tanggungjawab
Di bawah seliaan JANM Negeri Pahang

YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan,

ARAHAN PENUTUPAN AKAUN BULANAN BAGI BULAN JULAI 2022

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan buletin Jabatan ini bertarikh 28 Januari 2022 adalah berkaitan.

2. Dimaklumkan bahawa selaras dengan penutupan akaun bulanan bagi bulan Julai 2022, semua Pusat Tanggungjawab (PTJ) di bawah seliaan JANM Negeri Pahang hendaklah mematuhi perkara-perkara berikut :

2.1 ARAHAN PEMBAYARAN

- (i) Sila pastikan dokumen Arahan Pembayaran dilaksanakan sehingga **PERAKUAN 2** selewat-lewatnya jam **12.00 TENGAH HARI** pada **29 JULAI 2022 (JUMAAT)**. Tindakan peraku 2 hanya boleh diteruskan bermula 1 Ogos 2022 (ISNIN);
- (ii) PTJ adalah tertakluk kepada peraturan pembayaran bil dalam tempoh 14 hari seperti yang dinyatakan dalam Arahan Perbendaharaan 103(a);
- (iii) Sekiranya GAGAL mematuhi arahan seperti di para 2.1 (i), sila kemukakan **SURAT TUNJUK SEBAB** dan salinan diemelkan ke bayaran_phg@anm.gov.my **sebelum atau pada 10 Ogos 2022**.

2.2 TERIMAAN

- (i) Sila pastikan semua kutipan sebelum atau pada **29 JULAI 2022 (JUMAAT)** telah dibankkan **selewat-lewatnya jam 3.00 petang** seperti ketetapan AP78;
- (ii) Manakala bagi kutipan lewat pada 29 JULAI 2022 yang tidak sempat dibankkan dan kutipan pada 30 hingga 31 JULAI, WAJIB disediakan **PENYATA PEMUNGUT** dengan semakan **status 80** pada **31 JULAI 2022 (AHAD)** sebelum **jam 11.59 MALAM**;

Ruj. Kami : ANM.PHG.600-15/3/7(a8)
Tarikh : 20 Julai 2022

(iii) Sekiranya GAGAL mematuhi arahan seperti di para 2.2 (i) dan (ii), sila kemukakan **SURAT TUNJUK SEBAB** dan salinan diemelkan ke terimaan_phg@anm.gov.my **sebelum atau pada 10 Ogos 2022.**

3. Perhatian dan komitmen pihak YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan dalam mematuhi arahan ini amatlah diharapkan bagi memastikan proses penutupan akaun bulanan berjalan lancar.


Sekian, terima kasih.

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"Inovasi Digital Pemacu Prestasi Unggul"

Saya yang menjalankan amanah,



(BURHANUDIN BIN MOHD NOOR C.A. (M))
Pengarah
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Negeri Pahang